

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

**Peperiksaan Semester Pertama**

**Sidang Akademik 2000/2001**

**September/Oktober 2000**

**HMT 221 - Fonetik Dan Fonologi**

**Masa: [3 jam]**

**KERTAS PEPERIKSAAN INI MENGANDUNGI TUJUH [7] SOALAN DI DALAM TIGA [3] HALAMAN.**

Jawab **SEMUA** soalan dari **BAHAGIAN A** dan pilih **DUA** [2] soalan dari **BAHAGIAN B**.

Semua soalan memberikan jumlah markah yang sama. (100 markah setiap satu soalan)

**BAHAGIAN A.** Jawab semua soalan.

1. i) Perlihatkan penerbitan kata berikut dari tahap fonemik ke tahap fonetiknya berdasarkan fonologi generatif.

*penggilap, mengakui, menuntut, menengok, masukkan.*

- ii) Perlukah rumus-rumus bagi data dalam 1(i) disusunaturkan? Jelaskan.
2. Huraikan bagaimana cara segmen-segmen bunyi (i) hingga (iv) dihasilkan. Gunakan gambarajah berlabel yang sesuai.

i) [p]    ii) [c]    iii) [ŋ]    iv) [x]

3. Jelaskan bagaimana cara kita dapat menentukan bahawa sesuatu bunyi bahasa itu fonem atau alofon. Gunakan contoh-contoh bahasa Melayu yang sesuai.

4. Berdasarkan data berikut, bincangkan bunyi-bunyi vokal dan fenomena yang berkaitan dengannya.

- i) walau
- ii) cindai
- iii) amboi
- iv) tua
- v) siang
- vi) lukai
- vii) manusia

**BAHAGIAN B.** Pilih **DUA** [2] soalan sahaja.

5. i) Apakah fitur distingtif? Jelaskan kepentingan fitur distingtif ini dalam analisis fonologi.
- ii) Berikan fitur distingtif yang sesuai bagi setiap bunyi yang tersenarai di bawah ini supaya tiap-tiap bunyi itu dapat dibezakan di antara satu bunyi dengan bunyi yang lain.

Fitur Distingtif

Bunyi-Bunyi Bahasa

t ∂ p i k a n

6. Huraikan **TIGA** [3] daripada hal berikut dengan menggunakan contoh-contoh yang sesuai daripada bahasa Melayu.

- i) vokal kardinal utama dan ruang vokal
- ii) obstruen dan malaran
- iii) penyibaran berkomplementari dan pasangan hampir minimal
- iv) reduplikasi dan metatesis
- v) ko-artikulasi dan nasalisasi

**7. Pilih (i) ATAU (ii)**

- i) Di dalam sistem ejaan jawi, segmen bunyi [k], digunakan di posisi awal, di tengah dan di akhir kata. Apakah huruf jawi itu? Bincangkan kehadirannya dengan menggunakan contoh-contoh yang sesuai.
  
- ii) Bincangkan hubungan antara huruf jawi dan bunyi bahasa Melayu. Beri tumpuan kepada huruf-huruf vokal ATAU huruf diftong.